

AL-HIKMAH

Jilid	15	ISSN 1985-6822	2023
No.	2		1445

- PERSEPSI DAN SIKAP MUALAF TERHADAP IMPAK PANDEMIK COVID-19 DI TERENGGANU ... 1-21
Azarudin Awang, Norhana Abdullah @ Ng Siew Boey & Che Norzila Sulong
- PENGURUSAN PRASARANA DAKWAH MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN ... 22-40
Azizul Azra Abdul Razak, Mohd. Hisyam Abdul Rahim & Hafizah Abdul Jalil
- METODE LĀ QUḌAH SEBAGAI PELENGKAP TASAWWUR DAKWAH AYAT 125 SURAH AL-NAHL: ANALISIS AL-MAWDU'Ī ... 41-55
Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi, Mohd Shukri Hanapi & Wan Nasyrudin Wan Abdullah
- TAHAP PENGUASAAN ASAS FARDU AIN DALAM MASYARAKAT ORANG ASLI DI NEGERI PAHANG ... 56-71
Halim Ismail, Nazatul Akmar Mokhtar, Ramlan Mustapha, Fahmi Abdul Razak, Auni 'Atikah Tazudin, Asmadi Abdul Rahman & Sh. Mohd Firdaus Sh. Othman
- KAJIAN SEJARAH DAN ANALISIS TEKSTUAL TERHADAP TRANFORMASI AWAL PEMIKIRAN DALAM AGAMA KRISTIAN ... 72-94
Zaifuddin Md Rasip
- WAJAH FILEM ISLAMIK REPRESENTASI BUSANA DAN SOLEKAN: ANALISIS KANDUNGAN FILEM IMAM ... 95-106
Wawarah Saidpudin & Md Rozalafri Johari
- PENINGKATAN KESEJAHTERAAN MASYARAKAT MELALUI PENGURUSAN EKONOMI ISLAM YANG ADIL ... 107-118
Amie Amelia
- HAD TA'LIF DAN SOKONGAN SOSIAL DALAM MENSEJAHTERAKAN MUALAF... 119-135
Abdul Ghafar Don, Anuar Puteh, Ahmad Irdha Mokhtar, Hasanah Abd Khafidz, Khazri Osman, Zulkefli Aini, Nur Nazira Rahim, Farid Zainal, Salhuddin Abu Samah

Metode *Lā Quḍāh* Sebagai Pelengkap Tasawwur Dakwah Ayat 125 Surah al-Naḥl: Analisis al-Mawdu‘i

Lā Quḍāh Method as a Complement of Tasawwur Dakwah Verse 125 of Surah al-Naḥl: An Analysis of al-Mawdu‘i

* AHMAD ZAHIRUDDIN MOHD ZABIDI
MOHD SHUKRI HANAPI
WAN NASYRUDIN WAN ABDULLAH

ABSTRAK

Dalam kajian ilmu metodologi dakwah, para ilmuwan Islam menjadikan ayat 125 daripada Surah al-Naḥl sebagai asas sandaran pengkajian mereka. Daripada ayat tersebut muncul konsep dan metodologi yang disebut Metode *al-Da‘wu bi’l-Hikmah*, Metode *al-Maw‘izah al-Ḥasanah* dan Metode *al-Mujādalah al-Ḥasanah*. Namun ketiga-tiga metode ini hanya merangkumi separuh atau bahagian pertama daripada keseluruhan ayat 125 Surah al-Naḥl. Kebanyakan pengkaji mengabaikan bahagian kedua daripada ayat ini yang menyatakan Allah SWT mengetahui siapa yang sesat dari agama-Nya dan mengetahui siapa yang mendapat petunjuk. Kajian al-Mawdu‘i (tematik) ini yang memfokuskan kepada tema ayat 125 daripada Surah al-Naḥl. Kajian ini adalah sebuah kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian analisis kandungan dengan menjadikan tafsir-tafsir muktabar klasik dan moden sebagai rujukan utama. Kajian ini bertujuan untuk melihat tasawur yang lebih menyeluruh terhadap kefahaman ayat ini dan memberi nilai tambah terhadap metodologi dakwah yang telah dibina daripadanya.

Kata kunci: *Dakwah, tasawwur, metodologi dakwah, Surah al-Naḥl*

ABSTRACT

In the study of the methodology of da‘wah, Islamic scholars make verse 125 of Surah al-Naḥl as the basis of their study. From these verses emerge concepts and methodologies called the al-Da‘wu bi’l-Hikmah method, al-Maw‘izah al-Ḥasanah method and al-Mujādalah al-Ḥasanah method. Yet these three methods cover only the first half or part of the entire verse of 125 of Surah al-Naḥl. Most scholars ignore the second part of this verse which states that Allah SWT knows who strays from His religion and knows who is guided. This study of Tafsir al-Mawdu‘iy (thematic)

which focuses on the theme of verse 125 of Surah al-Nahl is a qualitative study that uses content analysis methods makes the classical and modern prominent tafsir as the main reference. It is to enhance more comprehensive tasawwur on the understanding of the verse and add value to the da'wah methodology that has been built from it.

Keywords: *Da'wah, tasawwur, da'wah method, Surah al-Nahl*

Received : 28 February 2023

Revised : 06 July 2023

Accepted : 03 August 2023

Published : 30 December 2023

PENDAHULUAN

Ayat 125 daripada Surah al-Nahl (16) merupakan Firman Allah SWT yang seringkali dijadikan sandaran oleh para ilmuwan Islam bagi mengkaji ilmu metodologi dakwah. Berdasarkan ayat tersebut, pelbagai konsep dan metodologi dakwah dibincangkan iaitu yang disebut Metode *al-Da'wu bi'l-Hikmah*, metode *al-Maw'izah al-Hasanah* dan metode *al-Mujādalah al-Hasanah*. Pada asasnya, ketiga-tiga metod yang dibincangkan ini hanya merangkumi bahagian pertama daripada ayat 125 Surah al-Nahl. Dalam hal ini, seringkali dilihat kebanyakan pengkaji mengabaikan bahagian kedua daripada ayat ini yang secara tidak langsung membincangkan tasawwur atau acuan kepada proses dakwah yang dijalankan. Persoalannya, apakah tasawwur dakwah yang terkandung dalam bahagian kedua ayat ini? Apakah pandangan ahli-ahli tafsir muktabar berhubung tasawwur dakwah tersebut?

Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan mengupas aspek tasawwur yang lebih menyeluruh terhadap kefahaman ayat 125 surah al-Nahl. Selain itu, memberi nilai tambah terhadap aspek kaedah dakwah yang telah dibina daripada ayat ini yang menjadi asas kepada bidang ilmu metodologi dakwah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini, menggunakan kaedah kepustakaan sebagai kaedah pengumpulan data. Secara lebih terperinci, data dalam kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu firman Allah SWT ayat 125 daripada Surah al-Nahl dan tafsiran-tafsiran yang berkaitan ayat tersebut. Ayat 125 daripada Surah al-Nahl ini dipilih sebagai fokus kajian kerana ia merupakan ayat utama yang dijadikan sandaran oleh para ilmuwan Islam dalam mengkaji ilmu metodologi dakwah. Data utama kajian ini terdiri daripada firman Allah SWT, dan dianalisis menggunakan Kaedah Tafsir al-Mawdu'i.

HASIL KAJIAN

Hasil daripada analisis yang dibuat terhadap data yang dikumpul, kajian ini dapat mengemukakan tiga dapatan utama. Ketiga-tiga dapatan kajian adalah seperti berikut:

Maksud Tasawwur Dakwah

Tasawwur dakwah terdiri daripada dua perkataan iaitu ‘tasawwur’ dan ‘dakwah’. Dari sudut etimologi, istilah tasawwur yang diguna pakai dalam kajian ini berasal daripada istilah Arab *tasawwur*. Kata dasar istilah *tasawwur* ini ialah *sawwara*. Ia bermaksud tanggapan, gambaran, atau cara pandang terhadap segala sesuatu (Mihna 1993: 45; Ibn Manzur 1994: 473; Mas‘ud 1990b: 936; al-Qasimiy 1989: 755; Madkur 1990: 373).

Berdasarkan maksud istilah tasawwur dari sudut etimologi ini, dapatlah disimpulkan maksud tasawwur dari sudut terminologi iaitu gambaran atau penjelasan yang komprehensif dan hakiki mengenai sesuatu (Mohd. Kamal Hassan 1993; Ramli Awang 1997: 6). Pengertian yang komprehensif ini merangkumi penjelasan yang sebenar dan lengkap tentang perkara yang dikaji (Haron Din 1992: 3). Apabila perkataan tasawwur itu digabungkan dengan kata sifat Islam, maka ia membentuk tasawwur Islam yang bermaksud gambaran komprehensif atau hakiki mengenai Islam yang bertujuan memperjelaskan secara keseluruhan prinsip asas Islam secara benar dan menyeluruh sehingga menjadi asas kepada pandangan hidup dan bersehati dalam diri seseorang (Haron Din 1992: 3; Muhammad Syukri Salleh 2003a: 21; Ramli Awang 1997: 6). Maksud tasawwur inilah yang digunakan dalam kajian ini.

Setelah difahami maksud istilah tasawwur, dibincangkan pula maksud istilah dakwah. Dalam kajian ini istilah dakwah merupakan kata serapan daripada bahasa Arab, *da‘wah*. Kalimah tersebut berasal daripada kata dasar *da‘a – yad‘u – da‘wah* yang membawa maksud memanggil, mengajak, menyeru dan menjemput kepada sesuatu yang mendorong kepada sesuatu tujuan (Ghazali Darusalam 2001: 1). Dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2019) dakwah ditakrifkan dengan dua pengertian. Pertama, sebagai kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan; dan kedua, patuh kepada atau ikut ajaran Islam dengan lebih sempurna pada tingkah laku, pergaulan, cara berpakaian dan lain-lain.

Antara ayat al-Qur’an yang menggambarkan dakwah Nabi Muhammad SAW kepada umatnya ialah firman Allah SWT:

Maksudnya: “*Katakanlah (wahai Muhammad): Inilah jalanku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada*

agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan aku menegaskan: Maha suci Allah (dari segala iktiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah aku dari golongan yang menyekutukan Allah dengan sesuatu yang lain.”

(Surah Yusuf 12: 108)

Menurut Ibn Kathīr (2015), Allah SWT berfirman kepada Rasulullah SAW untuk Baginda sampaikan kepada manusia dan jin bahawa Islam adalah agama dan sunnah Baginda, iaitu menyeru kepada penyaksian bahawa tidak ada Tuhan selain Allah SWT, dan tiada sekutu pun bagi-Nya.

Da‘wah juga difahami sebagai permintaan seorang hamba kepada Tuhannya berdasarkan Surah Yūnus ((10): 10) dan juga Surah al-Anfāl ((8): 24). Selain itu, berdasarkan Surah al-Baqarah ((2): 186), kalimah *da‘wah* digunakan untuk pengertian seruan manusia kepada Tuhan mereka. Selain kalimah *da‘wah* atau kata terbitan daripadanya, kalimah *tablīgh* yang bermaksud menyampaikan juga digunakan untuk konteks yang sama. Dinyatakan bahawa dakwah dan *tablīgh* dalam Islam bukan hanya dengan menyampaikan berita gembira dan menyeronokkan sahaja, sebaliknya ia termasuk juga hal-hal yang berbaur ancaman dan amaran jika menolak seruan Islam dan kemudian tidak patuh kepada syariatnya (Ghazali Darusalam 2001: 2-4).

Justeru, *da‘wah* selain berasal daripada kalimah *da‘ā* juga berasal daripada kalimah *al-du‘ā*. Secara umum dari sudut bahasa ia bermaksud menyeru, memanggil sama ada kepada hak atau batil. Lebih tepat, *da‘wah* daripada kata dasar *da‘ā* dan *al-du‘ā* bermaksud menyeru manusia ke jalan Allah SWT yakni agama Islam dan satu bentuk permohonan hamba kepada Tuhan dalam munajatnya (Ghazali Darusalam 2001: 4).

Menurut al-Qaradāwī (2000: 3 & 2009: 3), yang dimaksudkan dengan dakwah ke jalan Allah SWT itu ialah mengajak manusia menganuti agama-Nya, menuruti petunjuk dan peraturan-Nya yang *haqq*, menganggap batil apa-apa yang dikatakan-Nya sebagai batil, melakukan amar makruf nahi mungkar dan berjihad demi Dia di jalan-Nya. Menurut beliau lagi, dengan perkataan lain, yang dimaksudkan dengan dakwah itu ialah mengajak manusia menjadi seorang Muslim dengan berpegang teguh kepada agama Islam yang hakiki dan utuh. Oleh sebab itu, melaksanakan dakwah dalam pengertian tersebut bukanlah pekerjaan yang mudah, baik diperhatikan dari sudut pelaku mahupun dari sudut penerima seruan. Sebab dakwah seperti yang dimaksudkan itu adalah sukar diterima oleh orang yang berakal beku (*jumud*) atau berkalbu yang tidak sihat. Ia tentu sahaja sukar diterima oleh manusia-manusia yang suka kepada kekuasaan, atau orang-orang yang terlalu cintakan dunia.

Sebelum itu, al-Qaradāwī (2002: 2 & 2009: 3) menegaskan bahwa dakwah adalah mengajak manusia ke jalan Allah SWT adalah tugas para Nabi dan Rasul, yang merupakan hamba-Nya dari kalangan manusia yang terpilih bagi menerima wahyu. Para Nabi dan Rasul dianggap sebagai duta rasmi Allah SWT di dunia ini buat seluruh manusia dan makhluk-Nya. Namun, tugas dakwah bukanlah hanya tugas para Nabi dan Rasul, ia adalah kewajiban bagi setiap orang Islam terutamanya para ulama yang merupakan pewaris para Nabi dan Rasul. Hal ini sesuai dengan firman Allah SWT:

Maksudnya: *“Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta dia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: Sesungguhnya aku adalah daripada orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah).”*

(Surah Fussilat 41: 33)

Selain beberapa pengertian dakwah sebelum ini, antara perspektif yang menarik tentang dakwah adalah berdasarkan kajian Abdullah Hassan (2007) yang mengulas melalui Teori Psikologi Persuasif dan Teknik Komunikasi Persuasif. Dalam kata pengantar, beliau menjelaskan bahawa, pada dasarnya berdakwah adalah kegiatan mempengaruhi individu lain supaya mengubah mana-mana kepercayaan, sikap dan tingkah lakunya yang tidak selaras dengan Islam kepada yang selaras.

Dalam membahaskan mengenai tujuan utama dakwah, Hamka (2012: 60-65) mendatangkan dua objektif dakwah. Pertama, mengubah pandangan terhadap kehidupan. Demikian ini berdasarkan firman Allah SWT:

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman, sahut dan sambutlah seruan Allah dan seruan Rasul-Nya apabila Dia menyeru kamu kepada perkara-perkara yang menjadikan kamu hidup sempurna.”*

(Surah al-Anfāl 8: 24)

Menurut Hamka (2012: 61), ayat ini menegaskan bahawa maksud dakwah ialah menyedarkan manusia akan erti kehidupan ini yang sebenarnya yang berbeza dengan kehidupan seekor binatang yang hanya mengfokuskan hidupnya untuk makan dan minum semata-mata.

Kedua, mengeluarkan manusia daripada suasana gelap-gelita kepada terang-benderang. Kiasan ini berdasarkan makna firman Allah SWT:

Maksudnya: *“Alif, Laam, Ra. Inilah Kitab (al-Qur’an) Kami turunkan ia kepadamu (wahai Muhammad), supaya engkau*

mengeluarkan umat manusia seluruhnya dari gelap-gelita kufur kepada cahaya iman dengan izin Tuhan mereka ke jalan Allah Yang Maha Kuasa lagi Maha Terpuji... ”

(Surah Ibrahim (14): 1)

Hamka (2012: 63) menjelaskan bahawa, antara tugas dakwah seseorang pendakwah itu adalah mereka mesti berusaha memastikan dakwah mereka membawa kepada cahaya (*nūr*) bukan kepada kegelapan (*zulumāt*).

Selain itu, Ab. Aziz Mohd Zin (2020: 4) pula merumuskan bahawa dakwah bukan sebuah laungan yang tidak menentu, ia adalah satu seruan yang terancang. Ia juga bukan ilmu agama semata-mata, ia juga mengandungi ilmu yang akan memberi manfaat kepada manusia untuk kehidupan di dunia ini. Tambah beliau lagi, dakwah juga bukan semata-mata ajakan kepada manusia untuk ke jalan Allah SWT, namun ia mestilah dilengkapi dengan uslub dan tatacara yang terbaik bagi memastikan sasaran dakwah dipengaruhi untuk melakukan perubahan ke arah kebaikan. Dakwah dinyatakan bukan tentang agama sahaja, tetapi lebih tertumpu kepada usaha mengajak orang ramai kepada agama Allah SWT. Ditegaskan lagi, bahawa dakwah itu ialah usaha-usaha terancang yang baik bermatlamat untuk membawa insan memahami tujuan hidup ini iaitu mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Sebenarnya kefahaman ini adalah berdasarkan beberapa ayat al-Qur’an daripada Surah al-Nahl ((16): 125), Surah al-Ḥaj ((22): 67), Surah Fuṣṣilat ((41): 33), Surah al-Ra’du ((13): 36) dan banyak lagi.

Apabila digabungkan istilah ‘tasawwur’ dengan istilah ‘dakwah’, maka terbentuklah ungkapan tasawur dakwah. Oleh itu, tasawur dakwah yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah gambaran komprehensif dan hakiki mengenai proses gerak kerja dakwah. Ia bertujuan menjelaskan ciri-ciri konsepnya secara benar dan menyeluruh sehingga menjadi asas kepada segala aktiviti dakwah dalam kehidupan manusia. Gambaran dakwah ini pula sudah tentu tidak terhad kepada tentang agama sahaja, tetapi lebih tertumpu kepada usaha mengajak umat manusia seluruhnya kepada agama Islam melalui usaha-usaha terancang yang baik bermatlamat untuk membawa insan memahami tujuan hidup ini iaitu mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Maksud tasawur dakwah inilah yang akan dipakai dalam kajian ini.

Tasawur Asas Metodologi Dakwah

Tasawwur metodologi dakwah ini kebanyakannya dikeluarkan daripada bahagian pertama ayat 125 Surah al-Nahl (16), tetapi kebanyakan sarjana tidak mengulas tasawur metodologi dakwah daripada bahagian kedua ayat tersebut. Sebenarnya, dalam bahagian kedua ayat tersebut terdapat

penegasan penting Allah SWT yang menjadi pelengkap kepada tasawur metodologi dan gerak kerja dakwah. Untuk lebih jelas lagi, perkara ini dijelaskan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Pembahagian Kandungan Ayat 12 Daripada Surah al-Nahl (16),
Sumber: al-Qur'an al-Karim

Jika diteliti, tumpuan hanya diberikan kepada bahagian pertama daripada ayat 125 Surah al-Nahl (16) ini, manakala bahagian kedua yang menjadi sebagai pelengkap keada bahagian pertama kurang diberi perhatian. Hal ini boleh diperhatikan selain daripada karya-karya berkaitan dakwah. Allah SWT memberikan pedoman kepada Nabi Muhammad SAW melalui al-Qur'an cara menyampaikan dakwah yang terbaik. Sekali gus ia menjadi pedoman dan pegangan kepada umat Nabi Muhammad SAW yang juga melakukan kerja-kerja dakwah sama ada secara rasmi atau tidak rasmi. Para ulama kontemporari semisal 'Abd al-Karīm Zaydān (1917-2014), Muṣṭafā Mashūr (1921-2002), Hasan al-Bannā (1906-1949), Yūsuf al-Qaraḍāwī (1926-2022) dan ramai lagi seumpamanya yang ada menulis karya mengenai dakwah menjadikan Surah al-Nahl ((16): 125) sebagai sandaran perbincangan tasawur metodologi dakwah. Allah SWT berfirman:

Maksudnya: *“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbasahlah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayat petunjuk.”*

(Surah al-Nahl 16: 125)

Berdasarkan bahagian pertama ayat ini, terdapat tiga perkara utama yang membawa kepada pembinaan tasawur metodologi dakwah. Pertama, dakwah dengan penuh kebijaksanaan (*ud'ū bi al-hikmah*); kedua, dakwah dengan nasihat pengajaran yang baik (*maw'izat al-hasanah*); dan ketiga, dakwah dengan cara berbahas yang lebih baik (*jidāl bi al-aḥsan*). Namun, dalam hal ini pengkaji mengemukakan satu pandangan tambahan mengenai kefahaman terhadap ayat ini sebagai nilai tambah terhadap tasawur metodologi dakwah yang dikemukakan daripada ayat ini. Penambahan ini dibuat berdasarkan kefahaman terhadap bahagian kedua ayat ini:

Maksudnya: *“Sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayat petunjuk.”*

(Surah al-Nahl 16: 125)

Menurut Ibn Kathīr (2015: 173-174), dalam ayat ini Allah SWT memerintahkan Rasul-Nya, Muhammad SAW agar menyeru manusia ke jalan-Nya dengan penuh hikmah, iaitu berdasarkan apa yang diturunkan kepadanya (Nabi Muhammad SAW) daripada al-Qur'an dan al-Sunnah serta kemahuan (Allah SWT) dengan nasihat pengajaran yang baik. Dalam erti kata lain, menyampaikan segala perkara yang terkandung di dalamnya, baik berbentuk larangan mahupun suruhan. Ingatkanlah mereka dengan hal-hal tersebut agar mereka bersikap waspada terhadap seksaan Allah SWT. Sekiranya berdebat, maka berdebatlah dengan mereka yang engkau serukan itu dengan cara yang lebih baik, lemah lembut serta tutur kata yang baik.

Perkara ini juga turut ditegaskan oleh Allah SWT di dalam firman-Nya:

Maksudnya: *“Dan janganlah kamu berbahas dengan Ahli Kitab melainkan dengan cara yang lebih baik, kecuali orang-orang yang berlaku zalim dalam kalangan mereka...”*

(Surah al-Ankabūt 29: 46)

Allah SWT juga memerintahkan Rasulullah SAW agar bersikap lemah-lembut sebagaimana yang Allah SWT perintahkan kepada Nabi Musa a.s. dan Nabi Harun a.s. ketika mereka berdua diutuskan kepada Firaun. Firman Allah SWT:

Maksudnya: *“Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga dia beringat atau takut.”*

(Surah Ṭāhā 20: 44)

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, dalam bahagian kedua ayat 125 daripada Surah al-Nahl (16), Allah SWT menjelaskan yang Dia telah mengetahui siapa yang sengsara dan siapa yang berbahagia antara mereka sebagaimana yang sudah tertulis di sisi-Nya. Sehubungan itu, dalam mengajak golongan yang didakwah itu ke jalan Allah SWT, perasaan kecewa terhadap orang yang sesat dari kalangan mereka dan tidak mahu menerima seruan dakwah yang disampaikan perlu dihindari. Hal ini kerana, tugas para pendakwah hanya menyampaikan seruan Islam sahaja, manakala memberikan hidayah itu adalah hak Allah SWT (al-Khālidi 2011: 1953-1954).

Soal peranan manusia hanya sebagai pemberi peringatan dan penyampainya, manakala Allah SWT yang berkuasa ke atas hidayah itu turut ditegaskan lagi dalam firman-Nya:

Maksudnya: *“Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) tidak berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang engkau kasihi (supaya dia menerima Islam), tetapi Allah jualah yang berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya) dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang (ada persediaan untuk) mendapat hidayah petunjuk (kepada memeluk Islam).”*

(Surah al-Qaṣaṣ 28: 56)

Menurut Sayyid Quṭb (2010: 194), bahagian kedua daripada ayat tersebut adalah sebagai asas untuk merendahkan tekanan semangat pendakwah yang berkobar-kobar dan keghairahannya yang terburu-buru itu. Al-Qur’an menunjukkan kepada hakikat iaitu hanya Allah sahaja yang lebih mengetahui tentang orang-orang yang sesat dari jalan-Nya dan tentang orang-orang yang boleh menerima hidayah. Oleh itu tidaklah perlu menggunakan perdebatan yang kasar dan berlarut-larut, malah yang perlu ialah penerangan yang jelas kemudian serahkan sahaja urusan selepas itu kepada Allah. Sebenarnya, ini tasawur metodologi dakwah yang sangat penting diberi penekanan.

Setelah selesai mengulas keempat-empat ciri tasawur metodologi dakwah sebelum ini, Sayyid Quṭb (2010: 194) menegaskan bahawa semua ini merupakan peraturan dan undang-undang perlembagaan dakwah selama dakwah itu berada dalam lingkungan dakwah dengan lidah dan berdebat dengan hujah. Justeru, jelaslah bahawa ciri tasawur yang keempat yakni pada bahagian terakhir ayat, adalah juga termasuk dalam kategori peraturan dan undang-undang perlembagaan dakwah.

Al-Maraghī (2001: 3868) pada bahagian kesimpulan tafsir ayat ini menegaskan supaya digunakan pendekatan yang terbaik dalam dakwah dan berdebat, iaitu berdakwah dengan cara yang terbaik kerana itu merupakan kewajipan pendakwah, manakala pemberian petunjuk dan penyesatan serta pembalasan terhadap kedua-duanya diserahkan kepada Allah SWT semata-mata, bukan kepada selain-Nya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa ada tasawur metodologi keempat selepas tiga tasawur metodologi yang disebut pada bahagian awal ayat ini, malah ia adalah pelengkap dan penyempurna kepada ketiga-tiga tasawur metodologi awal.

Al-Zuhaylī (2014: 509) juga turut senada dengan para mufassir lain dalam mentafsirkan bahagian kedua ayat ini dengan menegaskan bahawa kewajipan pendakwah hanyalah menyampaikan dan mengajak. Soal munculnya hidayah dan kesesatan serta pemberian balasan atas hidayah dan kesesatan, bukan menjadi wewenang dan bidang kuasa para pendakwah.

Seterusnya dalam konteks tafsiran ulama Melayu-Nusantara seperti Hamka (2015: 236) mengulas ringkas dan umum dengan menekankan bahawa ayat ini telah dijadikan sebagai salah satu pedoman perjuangan, menegakkan Iman dan Islam di tengah-tengah berbagai ragamnya masyarakat pada masa itu, yang kedatangan Islam adalah buat menarik dan membawa, bukan mengusir dan mengenyahkan orang. Sehingga sekarang ini, ketiga-tiga pokok ini masih tetap dipakai menurut perkembangan-perkembangan zaman yang moden. Adapun M. Quraish Shihab (2017: 6/774-777) dan Abdullah Muhammad Basmeih (2013: 543) pula dalam kitab tafsir mereka tidak langsung menyentuh bahagian kedua daripada ayat tersebut.

Teungku Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy (2016: 561) pula lebih memperkaitkan ayat ini dengan kisah sebelumnya iaitu kisah *Ashāb al-Sabtī* dari kalangan Bani Isra'īl yang melanggar perintah Allah SWT untuk tidak turun ke laut bagi menangkap ikan pada hari Sabtu. Dalam hal ini, dalam kalangan Bani Isra'īl itu terdapat mereka yang jiwanya tidak dapat dilunakkan oleh pelajaran dan tidak mahu memperkenankan suatu seruan (ajakan). Merekalah orang-orang yang disesatkan oleh Allah SWT. Sebenarnya, Allah SWT mengetahui orang yang menyimpang dari jalan yang lurus, baik di antara mereka orang yang berselisih tentang Hari Sabtu, mahupun yang selain itu. Allah SWT juga mengetahui orang yang menempuh jalan yang lurus di antara mereka. Dia akan memberikan pembalasan kepada mereka semua pada hari Akhirat nanti, masing-masing sesuai dengan haknya.

Meskipun tafsiran Hasbi Ash-Shiddieqy (2016: 561) lebih kepada memperkaitkan dengan kisah *Ashāb al-Sabtī*, namun secara umum mesejnya tetap sama dengan perkara yang ditafsirkan oleh Ibn Kathīr (2015) dan al-Maraghī (2001) iaitu penegasan bahawa sesat atau hidayah bagi seseorang

atau sekumpulan manusia itu selepas mereka diberikan dakwah adalah hak mutlak Allah SWT. Para pendakwah termasuk penulis dakwah tidak boleh mengambil hak menghukum atau menjadi sebagai penghukum.

Penegasan Pelengkap Bagi Tasawwur Metologi Dakwah

Dalam menyampaikan dakwah, kandungan dakwah seseorang pendakwah dan penulis dakwah tidak boleh bernada menghukum sasaran dakwah sama ada ia bersifat hukuman di dunia apatah lagi hukuman di akhirat kelak. Hal ini kerana tugas dan kewajipan pendakwah atau penulis dakwah adalah mengajak dengan hikmah, menasihati mereka dengan baik dan berbahas dengan mereka dengan cara yang terbaik. Berkaitan dengan natijah mereka di akhirat kelak, para pendakwah wajib menyerahkannya secara mutlak kepada Allah SWT. Terdapat dua penegasan Allah SWT dalam bahagian kedua ayat ini. Secara lebih jelas lagi perkara ini ditunjukkan dalam Rajah di bawah.



Rajah 2: Dua Penegasan Pelengkap Bagi Tasawwur Metodologi Dakwah

Jika mahu dikembangkan tasawwur metodologi dakwah *lā quḍāh* (tidak menghukum) ini, pembahagian berdasarkan tafsiran Sayyid Qutb (2010: 194) adalah dijadikan panduan, iaitu:


- a. Hanya Allah SWT sahaja yang tahu siapa yang sesat atas pilihan mereka sendiri.
- b. Hanya Allah SWT sahaja yang tahu siapa beroleh hidayah atas daya usaha mereka sendiri.
- c. Dakwah yang disampaikan tidak perlu sampai tahap perdebatan yang kasar dan berlarutan malah sehingga berlaku perbalahan dan permusuhan.

- d. Fokus kepada memberikan penerangan yang jelas berdasarkan hujah-hujah ilmiah yang diajarkan oleh Islam dan pakar-pakarnya dengan hikmah, nasihat yang baik dan perbahasan yang terbaik.
- e. Serahkan urusan seterusnya yakni bertawakal berkenaan dengan kesan dan keputusan selepas hujah sudah disampaikan dengan baik tadi kepada Allah SWT.

Justeru tasawur metodologi keempat yang terkandung dalam Surah al-Naḥl ((16): 125) ialah *uslūb lā quḍāh* yang bermaksud metodologi tidak menghukum. Ia juga bermaksud apa-apa sahaja bentuk isi kandungan dakwah seorang pendakwah sama ada disampaikan melalui lisan atau tulisan, tidak boleh mempunyai unsur menghukum.

Gagasan ini selari dengan perkara yang dikemukakan oleh Ḥassan Ḥuḍaybī (1891-1973) yang merupakan Mursyidul Am Ikhwan Muslimin yang ke-2 selepas kewafatan Ḥassan al-Bannā (1906-1949). Ketika beliau menulis sebuah buku berjudul *Ducāt Lā Quḍāh* (al-Hudhaibi 1991: v; al-Ḥuḍaybī 1977) sebagai respons terhadap sikap dan pegangan sebahagian abnā' al-ḥarakah (pemuda ahli gerakan Islam) yang mula memilih jalan radikal atas nama dakwah di Mesir pada ketika itu sebagai tindak balas atas kematian Ḥassan al-Bannā yang ditembak mati di jalanan dan tekanan yang tinggi oleh pemerintah terhadap anggota jemaah Ikhwan Muslimin pada ketika itu (Ahmad Zaki 2003: 25).

Berikut adalah acuan atau tasawur yang menjadi asas kepada metodologi dakwah berdasarkan Surah al-Naḥl ((16): 125). Dalam Rajah 3 ini, tasawwur metodologi dakwah adalah berdasarkan penambahan ciri keempat sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini.



Rajah 3: Cetusan Baharu Tasawwur Metodologi Dakwah Berdasarkan Surah al-Naḥl ((16): 125)

Metode *Lā Quḍāh* atau ‘metodologi tidak menghukum’ dalam menyampaikan dakwah ini dikemukakan oleh pengkaji dalam tulisan ini sebagai kesinambungan atau pelengkap kepada kajian-kajian yang sedia ada dalam membincangkan tasawur metodologi dakwah berdasarkan Surah al-Nahl ((16): 125).

PENUTUP

Metode *Lā Quḍāh* atau Metodologi Tidak Menghukum adalah metode yang penting bagi melengkapkan tasawur metodologi dakwah sedia ada yang dikemukakan daripada bahagian pertama ayat yang sama. Ia akan menjadi sebuah tasawur metodologi dakwah yang lebih lengkap berdasarkan Surah al-Nahl ((16): 125) tersebut dan sekali gus memberikan nilai tambah dalam pengamalan dan prinsip dakwah melalui lisan atau tulisan. Sebagai sebuah agama dakwah, Islam menegaskan bahawa para pendakwah yang mahu mengajak manusia lain ke jalan Allah SWT selain perlu menggunakan metode-metode yang baik mereka juga tidak boleh sama sekali mengambil hak Allah SWT sebagai penentu sama ada seseorang itu mendapat hidayah atau sesat daripada jalan Allah SWT.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

SUMBANGAN PENULIS

Konseptualisasi: Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi, Wan Nasyrudin Wan Abdullah & Mohd Shukri Hanapi

Pengumpulan dan Penganalisan Data: Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi & Mohd Shukri Hanapi

Penulisan: Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi & Mohd Shukri Hanapi

Semakan dan Penyeliaan: Wan Nasyrudin Wan Abdullah & Mohd Shukri Hanapi

PENGHARGAAN

Tiada

RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd Zin. 2020. *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UM).
- Abdullah Hassan. 2007. *Berdakwah dengan Efektif*. Batu Caves: PTS Islamika.
- Abdullah Muhammad Basmeih. 2013. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikr.
- Al-Hudhaibi, Hasan Ismail. 1991. *Pendakwah Bukan Penghukum*, Terj. Haji Salahuddin Abdullah, Cet. Ke-2. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Al-Khālīdī, Ṣalāḥ ‘Abd al-Fattāḥ. 2011. *Al-Qaṣaṣu al-Qur’āni ‘Arḍu Waqā’i ‘ā wa Taḥlīlu Aḥdāthin*, Cet. Ke-5. Damshiq: Dār al-Qalam.
- Al-Maraghī, Aḥmad Muṭafā. 2001. *Tafsīr al-Marāghiy*, Terj. Muhammad Thalīb, Jil. 7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf. 2009. *Thaqāfah al-Dā’iyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qardhawi, Prof. Dr. Yusof. 2000. *Tazkirah Para Pendakwah*, Terj. t.n., Batu Caves: al-Hidayah Publishers.
- Al-Qasimiy, Ahmad Mokhtar bin ‘Umar Muhyi al-Din Sobir bin ‘Ali. 1989. *Al-Mu’jam al-‘Arabi al-Asasi*. Tunisia: Larousse.
- Az-Zuhaili, Wahbah. 2015. *Tafsir al-Munir*, Terj. Abdul Hayie al-Kattani, Mujiburrahman Subadi, Ahmad Ikhwani dkk., Jil. 7. Jakarta: Gema Insani.
- Ghazali Darusalam. 2001. *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Hamka. 2012. *Prinsip & Kebijaksanaan Dakwah Islam*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Hamka. 2015. *Tafsir Al-Azhar*, Jil. 5, Depok: Gema Insani.
- Haron Din. 1992. *Tasawwur Islam*. Shah Alam, Selangor: Pustaka Hizbi.
- Ibn Manzur, Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukram al-Afriqiy al-Misriy. 1994. *Lisan al-‘Arab*, Jil. 5. Beirut, Lubnan: Dar Sadir.
- Ibu Katsir, Abul Fida’ ‘Imaduddin Isma’il bin Umar bin Katsir al-Qurasyi al-Bushrawi. 2015. *Tafsir Ibnu Katsir*, Terj. Arif Rahman Hakim MA, Syahirul Alim Al-Adib Lc, Insan Kamil. Muhammad Zaini, Nila Nur Fajariyah, Muh. Faqih Fatwa Lc, Jil. 1. Indonesia: Insan Kamil
- M. Quraish Shihab. 2017. *Tafsir Al-Misbah*. Ciputat: Lentera Hati.
- Madkur, ‘Ali Ahmad. 1990. *Manhaj al-Tarbiyyah fi al-Tasawwur al-Islamiy*. Beirut, Lubnan: Dar al-Nahdah al-‘Arabiyyah.
- Mas‘ud, Jubran 1990a. *Al-Ra’id Mu’jam Lughawiy ‘Asriy*, Jil. 1. Beirut, Lubnan: Dar al-‘Ilm li al-Malayin.
- Mas‘ud, Jubran. 1990b. *Al-Ra’id Mu’jam Lughawiy ‘Asriy*, Jil. 2. Beirut, Lubnan: Dar al-‘Ilm li al-Malayin.

- Mihna, ‘Abda’ ‘Ali. 1993. *Lisan al-Lisan Tahdhib Lisan al-‘Arab li al-‘Allama Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukram Ibn Manzur*, Jil. 2. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Muhammad Syukri Salleh. 1985. *Falsafah Ilmu Pembangunan Berteraskan Islam: Beberapa Asas Kesepaduan*. Pulau Pinang: Pusat Islam, Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Syukri Salleh. 2002. *Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Muhammad Syukri Salleh. 2003a. *7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn. Bhd. dan Pulau Pinang: Projek Pengurusan Pembangunan Islam, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Syukri Salleh. 2003b. *Pengurusan Pembangunan Berteraskan Islam: Konsep dan Perkaedahan (Siri Syarahan Umum Perlantikan Profesor)*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Ramli Awang. 1997. *Tasawwur Rabbani Menurut Al-Qur’an dan Al-Sunnah*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication.
- Sayyid Qutb. 2010. *Tafsir fi Zilalil Qur’an, Terj. Dato’ Yusoff Zaky Hj. Yacob*, Jil. 6: Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman.
- Teungku Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy. 2016. *Tafsir An-Nūr Al-Qur’anul Majid*, Jil. 2, Cet. 1, Ed. Ke-4. Semarang: PT. Pustaka Rizki Putra.

Pengarang:

* Dr. Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi (Pengarang Koresponden)
Graduan Doktor Falsafah Peradaban Islam,
Institut Islam Hadhari,
Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: zahiruddin zabidi@gmail.com

Prof. Madya Dr. Mohd Shukri Hanapi
Pensyarah Kanan Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV),
Universiti Sains Malaysia
Email: hshukri@usm.my

Dr. Wan Nasyrudin Wan Abdullah
Felo Kanan Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: tokwedin@ukm.edu.my